

27/09/2003

PM saksi Yacht Show di Monaco

MONACO: Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, tiba di sini semalam untuk lawatan dua hari ke Monaco.

Dr Mahathir, yang tiba dari New York selepas berucap di Perhimpunan Agung ke-58 Bangsa-bangsa Bersatu, mendarat di lapangan terbang Nice di Perancis sebelum menaiki kereta untuk perjalanan selama 40 minit ke sini.

Ketibaan beliau dan isteri disambut oleh Duta Malaysia ke Perancis Datuk Tunku Nazihah Tunku Mohamed Rus.

Dr Mahathir memulakan lawatannya ke negara kecil bersempadankan Perancis ini, dengan melawat Monaco Yacht Show 2003, yang dianggap pameran perahu layar paling utama di Eropah.

Ketibaan beliau di tempat pameran itu disambut oleh pengarahnya Luc Pettavino.

Pettavino memberitahu pemberita bahawa terdapat 90 perahu layar besar bernilai antara 1.5 juta Euro hingga 80 juta Euro yang dipamerkan pada pertunjukan kali ke-13 itu.

"Menjelang Disember ini, semua perahu layar ini akan dapat dijual," katanya.

Setiap tahun, Monaco Yacht Show menarik minat penggemar perahu layar kerana ia hanya mempamerkan bot yang dibuat berdasarkan tempahan.

Selain ke pameran itu, Dr Mahathir akan merasmikan pelancaran tidak rasmi Pendaftaran Perahu Layar Langkawi di atas kapal Lady Halima, milik seorang rakyat Malaysia, pada sebelah malam ini.

Langkah menjadikan Langkawi sebagai pusat pendaftaran perahu layar antarabangsa akan membolehkan pemilik dari seluruh dunia mendaftarkan kapal mereka di pulau percutian itu. Kemudahan itu akan dilancarkan secara rasmi di Langkawi pada 2 Oktober ini.

Hari ini, Dr Mahathir dijadual menemui pelajar Malaysia dan pegawai dari Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sebelum pulang ke Kuala Lumpur.

Lawatan ke Monaco adalah sebahagian daripada atur cara rasmi beliau ke luar negara bermula pada 22 September. Sebelum ke New York, Dr Mahathir berada di London untuk berucap di School of Oriental and African Studies University London dan kemudiannya melakukan lawatan rasmi tiga hari ke Sweden.